

15 AUG 1998

Mahathir-Lawatan

LAWATAN DR MAHATHIR BERI KEYAKINAN BARU KEPADA RAKYAT SABAH

KOTA KINABALU, 15 Ogos (Bernama) -- Lawatan kerja selama tiga hari oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sabah dan juga Labuan yang berakhir hari ini telah membolehkan rakyat di sini lebih memahami masalah yang dihadapi oleh negara ketika ini.

Pada ketika kerajaan tekun berusaha untuk memulihkan keadaan ekonomi, kedatangan Perdana Menteri dan amanat yang disampaikan, telah memberi keyakinan baru kepada penduduk di kedua-dua wilayah itu dalam menghadapi kehidupan harian.

Mereka sudah pasti semakin sedar akan peranan masing-masing khususnya untuk mengekalkan perpaduan seperti yang ditekankan berulang kali oleh Perdana Menteri.

Dr Mahathir telah memberi penjelasan menyeluruh mengenai punca masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara dan rantau ini serta langkah-langkah kerajaan untuk menanganinya.

Rakyat juga telah mendapat jaminan akan kesungguhan kerajaan untuk memulihkan semula ekonominya, yang akan pasti dapat dilakukan sekiranya mereka mampu mempertahankan keadaan aman yang ada di negara ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan meminta-minta kepada sesiapa dalam usaha untuk memulihkan ekonomi Malaysia kecuali kepada rakyatnya agar terus bersatu padu dan menyokong sebarang langkah pemulihan yang dilaksanakan kerajaan.

Perdana Menteri juga telah mempersiapkan rakyat negara ini untuk lebih cekat dan bersedia dalam menghadapi langkah-langkah drastik seterusnya yang mungkin diambil kerajaan untuk keluar daripada permasalahan ekonominya.

Jaminan Perdana Menteri bahawa "setiap kali kerajaan mengambil sesuatu pendekatan, kita akan mengkajinya secara mendalam", telah memberi keyakinan bahawa kerajaan yang menerajui negara ini sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat dalam sebarang tindakannya.

Bagi Sabah, lawatan beliau kali ini turut memberi keyakinan baru kepada penduduknya lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya negeri.

Dr Mahathir yang telah merasmikan dua kongres parti komponen BN -- Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) -- telah menekankan perlunya kerjasama erat di kalangan anggota komponen sebagai formula terbaik bagi menghadapi pilihan raya itu.

Pada masa yang sama, Dr Mahathir mengulangi pendirian BN bahawa perjuangan parti itu untuk membantu rakyat dan kerana itu, kerjasama antara komponen BN perlu dikekalkan bagi membolehkan mereka meneruskan agenda perjuangan untuk membela nasib rakyat.

"Perjuangan kita adalah untuk membantu rakyat. Kita berada dalam parti kerana perjuangan mulia. BN wujud kerana kita ada cita-cita besar untuk menjadikan negara kita maju pada tahun 2020," kata beliau pada perasmian kongres PDS semalam.

Pada perasmian kongres LDP pula, beliau menekankan perkara yang sama dan meminta semua pihak mengamalkan sikap tolak ansur bagi memelihara keharmonian kaum di negara ini.

Di Labuan, Dr Mahathir turut membawa khabar gembira kepada penduduk pulau itu apabila beliau mengumumkan langkah untuk memperhebatkan promosi pulau bebas cukai itu bagi menarik kedatangan lebih ramai pelancong, termasuk menjadikan Labuan sebuah pulau taman.

Tetapi Dr Mahathir juga meminta penduduk pulau itu meningkatkan semangat sukarelawan dan membantu pihak berkuasa pulau itu dalam

merealisasikan impian menjadikan pulau itu yang tercantik di dunia.  
-- BERNAMA  
JS MAI